

25/09/1997

50 anggota bomba berlepas ke Kalimantan

KOTA BHARU, Rabu - Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Kelantan menghantar 50 anggotanya ke Kalimantan, semalam bagi membantu kerja memadamkan kebakaran hutan di kawasan itu.

Timbalan Pengarahnya, Abdul Wahab Mat Yasin berkata, anggota terbabit diberi tugas khas membantu menangani masalah jerebu yang melanda Kalimantan.

Menurutnya, beberapa peralatan kelengkapan pemadam api disediakan bomba negeri untuk dibawa ke sana bagi menjalankan kerja mengatasi masalah kebakaran itu.

Beliau berkata, pembabitan anggota bomba ke kawasan itu, berikutan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam, selepas keputusan mesyuarat bersama Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN), Datuk Mohamed Rahmat.

"Anggota bomba itu dijangka berada di Kalimantan selama dua minggu. Bagaimanapun, sekiranya keadaan di sana masih bermasalah, kemungkinan mereka akan tinggal beberapa hari lagi," katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Abdul Wahab berkata, pihaknya juga akan menghantar anggota bomba selepas ini, sekiranya pihak kerajaan masih memerlukan anggota tambahan.

Beliau menasihatkan orang ramai di negeri ini supaya tidak melakukan pembakaran secara terbuka.

"Walaupun Indeks Pencemaran Udara (API) di Kelantan adalah pada tahap yang baik, iaitu antara 34 hingga 40, orang ramai diminta menjaga kesihatan berikutan jerebu yang melanda negeri ini," katanya.

Menurutnya, ibu bapa juga perlu mengambil berat penjagaan kesihatan terhadap anak kecil masing-masing dan tidak membiarkan mereka bermain, di luar kawasan.

(END)